

**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN
PROGRAM GERAN PEMADANAN *HIGH IMPACT PRODUCT* (HIP)
BAGI USAHAWAN INDUSTRI MAKANAN DAN ASAS TANI**

TUJUAN

1. Garis panduan ini bertujuan untuk menjelaskan kaedah pelaksanaan Program Geran Pemadanan *High Impact Product* (HIP) bagi usahawan industri makanan dan asas tani.

LATAR BELAKANG

2. Program ini dilaksanakan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) bersama-sama Jabatan/Agensi di bawahnya menggunakan peruntukan Program Pembangunan Usahawan Pertanian dan Industri Makanan, KPKM.
3. Program ini dipertimbangkan kepada usahawan industri makanan dan asas tani kategori Kecil **yang telah disahkan status Pengusaha Mikro Kecil dan Sederhana (PMKS) oleh SME Corporation Malaysia dan memperoleh nilai jualan kasar tahunan RM300,000 hingga RM10 juta.**
4. Nilai jualan hendaklah dibuktikan dengan penyata akaun atau penyata kira-kira yang telah diaudit oleh auditor bebas bagi dua tahun terkini.
5. Syarikat yang hanya menghasilkan produk melalui kaedah ***Original Equipment Manufacturer (OEM)*** dan tidak menghasilkan produk keluaran sendiri **TIDAK LAYAK** dipertimbangkan di bawah program ini.
6. Premis usahawan perlu berasingan dari bangunan kediaman dan perniagaan sediaan di rumah (*home-based*) adalah **TIDAK LAYAK** dipertimbangkan.
7. Usahawan/syarikat perlu berdaftar dan dibimbing oleh Jabatan/Agensi di bawah KPKM dan perlu mempunyai akaun bank perniagaan dengan Bank Pertanian Malaysia Berhad (AGROBANK).

KRITERIAN KELAYAKAN

8. Program ini dipertimbangkan kepada setiap perusahaan **berdasarkan kriteria** seperti berikut:

- a) Diperbadankan di bawah **Akta Syarikat 2016 [Akta 777]** atau didaftarkan di bawah **Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 [Akta 197]**; atau
- b) Persatuan nelayan yang berdaftar di bawah **Akta Pertubuhan Peladang 1971 [Akta 44]**; atau
- c) Pertubuhan peladang yang berdaftar di bawah **Akta Pertubuhan Peladang 1973 [Akta 109]**; atau
- d) Koperasi didaftarkan di bawah **Akta Koperasi 1933 [Akta 502]**; atau
- e) Pertubuhan bukan Kerajaan yang berdaftar di bawah **Akta Pertubuhan 1966 [Akta 832]**;
- f) Mempunyai lesen perniagaan; dan
- g) Mempunyai premis perniagaan atau ruang khas perniagaan dengan lesen premis yang sah tertakluk dalam kawasan **Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)**.

9. Proses pencalonan peserta akan dikendalikan oleh Jabatan/Agensi Pelaksana di bawah KPKM berdasarkan tatacara pencalonan peserta program yang disediakan oleh Bahagian Industri Makanan dan Asas Tani (IMAT), KPKM. Keutamaan diberikan kepada usahawan industri makanan dan asas tani seperti berikut:

- a) **Belum pernah diluluskan** bantuan geran pepadanan oleh KPKM;
- b) **Mengusahakan produk terpilih** yang berpotensi menjadi tumpuan pasaran seperti berikut;

- i. **Produk Kategori Makanan**

Produk makanan dan minuman, herba, rempah ratus, madu, farmaseutikal dan lain-lain produk berasaskan pertanian termasuk hasil pertanian yang melibatkan pemprosesan minimum.

ii. **Produk Kategori Bukan Makanan/Asas Tani**

Produk yang dikeluarkan menggunakan hasil atau sisa tanaman, ternakan atau perikanan sebagai bahan utama.

- c) Telah menunjukkan prestasi perniagaan yang baik sekurang-kurangnya dua (2) tahun dan tidak diisytihar muflis dan untuk entiti yang diperbadankan tidak digulung;
- d) **Berpotensi ke tahap lebih tinggi** jika keupayaan perusahaan ditingkatkan; dan
- e) **Memiliki ruang pasaran tetap** (*secured market*).

10. Usahawan yang telah diluluskan geran pamadanan ini **hanya boleh dipertimbangkan semula selepas tiga (3) tahun daripada tahun projek terdahulu selesai perolehan atau siap** seperti contoh di Jadual 1:

**Jadual 1: Contoh Pertimbangan Semula
Geran Pamadanan Kepada Usahawan**

Kelulusan untuk Geran Terdahulu	Projek Selesai Perolehan atau Siap	Pertimbangan Semula
2020	2021	2025

11. Pertimbangan semula yang dirujuk di perenggan 10 di atas **tertakluk kepada syor Jawatankuasa Teknikal Geran Pamadanan (JKTGP) dan keputusan Jawatankuasa Kelulusan Pemberian Geran (JKKPG).**

JENIS BANTUAN

12. Program ini menyediakan bantuan seperti di Jadual 2:

Jadual 2: Program Geran Pemadanan HIP

Perkara	Keterangan				
Skop	Kajian pembangunan kualiti produk	Reka bentuk pembungkusan dan pelabelan	Peningkatan kapasiti, keselamatan, dan kualiti pengeluaran	Penambahbaikan premis	Perundingan pensijilan (maksimum RM40,000/permohonan)
Kadar	Geran pemadanan (Geran 50% : Usahawan 50%)				
Nilai Geran	i. Maksimum RM200,000 (nilai jualan tahunan RM300,000 hingga RM5 juta) ii. Maksimum RM400,000 (nilai jualan tahunan lebih daripada RM5 juta hingga RM10 juta)				

13. **Kajian pembangunan kualiti produk** meliputi kajian berkaitan bahan kandungan, keselamatan, analisis, nutrisi dan mikrobiologi jangka hayat produk dan lain-lain kajian yang berkaitan dengan peningkatan kualiti produk tertakluk kepada syor JKTGP.
14. **Reka bentuk pembungkusan dan pelabelan produk** meliputi kos reka bentuk pembungkusan baharu, penambahbaikan reka bentuk sedia ada, acuan (*mold*) dan cetakan pertama (*first printing*) sahaja.
15. **Peningkatan kapasiti, keselamatan dan kualiti pengeluaran** meliputi aspek peningkatan keupayaan pengeluaran/pembungkusan melalui perolehan mesin dan peralatan (termasuk kos penghantaran, pemasangan dan pengujian) yang menambah baik keberkesanan serta kecekapan perusahaan. **Kos pembinaan prototaip layak dibiayai** di bawah skop ini.

16. **Penambahbaikan premis sedia ada** meliputi penambahbaikan ruang pemprosesan sehingga penyimpanan produk siap sama ada melalui pengubahsuaian binaan bangunan atau susun atur premis (termasuk sistem perparitan serta kumbahan) di atas tanah milik usahawan, tanah pajakan atau sewaan (kontrak sewaan/pajakan tidak kurang dari lima (5) tahun).
17. **Perundingan pensijilan** meliputi penggunaan perkhidmatan syarikat perunding bagi tujuan pengiktirafan pensijilan produk/premis.
18. Usahawan boleh **memohon skop bantuan secara berasingan/kombinasi**, tertakluk kepada ketetapan terma dan syarat skop ke arah pematuhan keperluan pensijilan tempatan dan antarabangsa seperti Skim Pensijilan Makanan Selamat Tanggungjawab Industri (MeSTI), Halal, *Good Manufacturing Practice (GMP)*, *Hazard Analysis and Critical Control Point (HACCP)*, *SME Competitiveness for Enhancement (SCORE)* dan sebagaimana yang disyorkan oleh JKTGP.
19. Kerajaan membiayai jumlah kos projek (termasuk Cukai Jualan dan Perkhidmatan) bagi **setiap permohonan kadar:**
 - a) **100% sehingga maksimum RM40,000 di bawah perundingan pensijilan.**
 - b) **50% sehingga maksimum RM400,000** tertakluk kepada nilai jualan tahunan usahawan. **Usahawan perlu membiayai baki 50% dan nilai yang melebihi sumbangan Kerajaan, sekiranya ada.**
20. Usahawan boleh **membiayai melalui pinjaman** bank bagi baki 50% dan nilai yang melebihi sumbangan Kerajaan, sekiranya ada tertakluk kepada ketetapan terma dan syarat kelayakan oleh pihak berkenaan. Mesin atau peralatan yang diperolehi **tidak boleh dicagarkan.**
21. Sekiranya usahawan tidak berhasrat untuk membiayai melalui pinjaman, usahawan dimohon untuk mengemukakan penyata bank bagi tiga (3) bulan terkini. Laporan CTOS atau CCRIS syarikat turut perlu dikemukakan semasa membuat permohonan.

PERMOHONAN GERAN

22. Usahawan hendaklah **mengemukakan borang permohonan** kepada Jabatan/Agensi Pelaksana. **Borang permohonan boleh diperoleh daripada Jabatan/Agensi Pelaksana** seperti berikut:

- a) Jabatan Pertanian Malaysia (DOA)
- b) Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS)
- c) Jabatan Perikanan Malaysia (DOF)
- d) Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI)
- e) Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP)
- f) Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)
- g) Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)
- h) Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA)
- i) Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA)
- j) Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM)
- k) Pejabat Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA)
- l) Jabatan Pertanian Sabah (DOA Sabah)
- m) Jabatan Pertanian Sarawak (DOA Sarawak)

23. Usahawan **hendaklah mengembalikan kepada Jabatan/Agensi Pelaksana beserta dokumen sokongan kepada Jabatan/Agensi Pelaksana** seperti berikut:

- a) Borang Deklarasi Permohonan Geran / Bantuan Kerajaan (**Lampiran 1**);
- b) Senarai Semak Permohonan Geran Pemadanan seperti di **Lampiran 2**;
- c) Empat (4) salinan Borang Permohonan Geran Pemadanan (Borang GPCUP-1) seperti di **Lampiran 3**;
- d) Empat (4) salinan Pelan Perniagaan seperti di **Lampiran 4**; dan
- e) Dokumen sokongan berkaitan.

24. Jabatan/Agensi **menilai permohonan usahawan berasaskan keutamaan keperluan** dan menentukan elemen projek yang layak dibiayai Kerajaan berdasarkan ketetapan skop Program menggunakan **Borang Siasatan Penilaian dan Perakuan Sokongan Permohonan Program Geran Pemadanan Bagi Usahawan Industri Makanan dan Asas Tani (Borang GPHIP-2)** seperti di **Lampiran 5**.

25. Jabatan/Agensi perlu mengemukakan **satu (1) dokumen permohonan usahawan yang lengkap** seperti di perenggan 22 melalui Ibu Pejabat Jabatan/Agensi kepada Bahagian IMAT, KPKM. Bahagian IMAT, KPKM akan menyemak rekod penerimaan geran pamadanan sedia ada bagi memastikan usahawan yang dicadangkan memenuhi kriteria kelayakan dan mengelakkan berlaku pertindihan permohonan sebelum memperakukan cadangan Jabatan/Agensi.

PENILAIAN TEKNIKAL

26. Bahagian IMAT, KPKM hendaklah membentuk JKTGP dengan melantik panel penilaian teknikal daripada Jabatan/Agensi atau mana-mana pegawai daripada institusi yang diiktiraf oleh Kerajaan yang berkemahiran di dalam bidang berkaitan. Jabatan/Agensi Pelaksana (MARDI, FAMA, AGROBANK) perlu mengemukakan pencalonan ahli JKTGP kepada Bahagian IMAT, KPKM. **Keanggotaan JKTGP** adalah seperti di **Lampiran 6**.
27. Ibu Pejabat Jabatan/Agensi Pelaksana akan mengedarkan dokumen permohonan usahawan kepada Jabatan/Agensi atau pegawai-pegawai yang terlibat dalam JKTGP.
28. Bahagian IMAT, KPKM akan menyelaras sesi penilaian teknikal oleh JKTGP ke premis usahawan untuk menilai aspek teknikal permohonan menggunakan format **Laporan Penilaian Teknikal** seperti di **Lampiran 7**.
29. JKTGP akan bersidang bagi memperaku Laporan Penilaian Teknikal dan menyediakan **Slaid Laporan Penilaian Teknikal JKTGP** seperti di **Lampiran 8** yang mengandungi maklumat, gambar berkaitan perniagaan/produk, kenyataan dan justifikasi permohonan serta senarai item yang dimohon oleh usahawan sebelum dikemukakan kepada Bahagian IMAT, KPKM untuk perhatian JKKPG di peringkat Kementerian.

KELULUSAN GERAN

30. Bahagian IMAT, KPKM mengurus pembentukan JKKPG di peringkat Kementerian dengan penglibatan Jabatan/Agensi yang berkemahiran di dalam bidang berkaitan. **Keanggotaan JKKPG** peringkat Kementerian adalah seperti di **Lampiran 9**.
31. JKKPG bersidang untuk **mempertimbangkan dan meluluskan item permohonan/ nilai geran** kepada usahawan berdasarkan pembentangan laporan penilaian JKTGP. Kekerapan bersidang adalah sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun atau mengikut keperluan.
32. Mesyuarat JKKPG akan dipengerusikan oleh **Ketua Setiausaha, KPKM**. Sekiranya Ketua Setiausaha, KPKM tidak dapat mempengerusikan mesyuarat, **Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan), KPKM** akan bertindak sebagai Pengerusi Ganti.
33. Bahagian IMAT, KPKM akan mengeluarkan surat keputusan JKKPG kepada Jabatan/Agensi. Jabatan/Agensi akan memaklumkan keputusan JKKPG dan menyediakan **surat tawaran serta surat setuju terima** seperti di **Lampiran 10** kepada usahawan. Usahawan perlu **mengembalikan surat setuju terima yang dimati setem dalam tempoh 14 hari dari tarikh surat tawaran dikeluarkan**. Jabatan/Agensi perlu mengemukakan salinan surat setuju terima kepada Bahagian IMAT, KPKM untuk rujukan dan rekod dokumen.

PEROLEHAN DAN PEMBEKALAN

34. Urusan perolehan termasuk tuntutan pembayaran oleh usahawan hendaklah **diselesaikan dalam tempoh sembilan (9) bulan dari tarikh surat tawaran**.
35. Usahawan hendaklah mengemukakan kepada Jabatan/Agensi permohonan berhubung cadangan **pelanjutan tempoh, perpindahan premis, pertukaran pembekal, pertukaran item atau pembatalan item** dalam tempoh tiga (3) bulan sebelum tempoh pelaksanaan asal tamat.

36. Jabatan/Agensi hendaklah membentangkan permohonan daripada usahawan seperti di perenggan 35 kepada JKTGP bagi tujuan penilaian. **Pelanjutan tempoh maksimum yang dibenarkan adalah enam (6) bulan bergantung kepada justifikasi yang dikemukakan.** Permohonan ini tidak akan mengubah nilai geran yang diluluskan oleh JKKPG. Keputusan JKTGP hendaklah dimaklumkan kepada Bahagian IMAT, KPKM untuk tujuan pemantauan projek.
37. Segala urusan perolehan adalah di bawah tanggungjawab usahawan. Item yang diperoleh akan dilekatkan logo KPKM dan menjadi hak milik usahawan dengan syarat **usahawan tidak dibenarkan meninggalkan perniagaan dalam tempoh lima (5) tahun dari tarikh pengesahan projek.** Sekiranya berlaku, usahawan dikehendaki **membayar balik jumlah geran yang telah diberikan.**
38. Usahawan bertanggungjawab **melaksanakan dan menyelaraskan kerja perolehan serta membayar kepada pembekal** baki 50% dan nilai yang melebihi sumbangan Kerajaan berdasarkan jumlah kos projek yang diluluskan, sekiranya ada.

TUNTUTAN PEMBAYARAN

39. Urusan pembayaran di bawah peruntukan program ini akan **dikendalikan oleh Bank Pertanian Malaysia Berhad (AGROBANK)** berdasarkan tatacara kewangan dan perolehan kerajaan yang berkuat kuasa.
40. Usahawan hendaklah mengemukakan **permohonan tuntutan pembayaran** kepada Bahagian IMAT, KPKM melalui Jabatan/Agensi untuk proses pembayaran oleh AGROBANK kepada:
- a) **pembekal;** mengikut pengesahan tuntutan/kemajuan kerja, berdasarkan peraturan kewangan yang berkuat kuasa. Justeru, **tiada pemberian tunai dalam perkara ini;** atau
 - b) **usahawan;** sekiranya usahawan telah membuat bayaran penuh kepada pembekal. 50% sumbangan kerajaan boleh dituntut oleh usahawan selepas bukti pembayaran dikemukakan kepada Jabatan/Agensi. Justeru, **tiada pemberian tunai dalam perkara ini.**

41. Usahawan hendaklah **mengemukakan bukti bayaran** yang dibuat kepada pembekal (jika berkaitan) dan tuntutan bayaran 50% melalui sumbangan Kerajaan kepada Jabatan/Agensi berserta dokumen sokongan seperti berikut:
- a) Sebut harga yang dikeluarkan oleh syarikat pembekal;
 - b) Resit asal daripada syarikat pembekal bagi bayaran 50% (atau baki selain jumlah geran yang diluluskan) atau resit asal bayaran 100%;
 - c) Invois asal dan nota penghantaran asal atau dokumen perakuan siap kerja asal;
 - d) Penyata transaksi bank bayaran usahawan kepada pembekal;
 - e) Penyata transaksi bank penerimaan bayaran oleh syarikat pembekal;
 - f) Salinan Sijil Pendaftaran (Suruhanjaya Syarikat Malaysia/ Suruhanjaya Koperasi Malaysia/ Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia) dan/atau Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan (jika berkaitan).
42. Jabatan/Agensi bertanggungjawab memantau, memperaku dan menyediakan **Laporan Pengesahan Siap Projek** seperti di **Lampiran 11**.
43. **Senarai semak dokumen sokongan** bagi tujuan **tuntutan pembayaran** adalah seperti di **Lampiran 12** dan **Borang Tuntutan Pembayaran (Borang GPHIP-3)** seperti di **Lampiran 13**.

PEMBATALAN KELULUSAN

44. Usahawan hendaklah **melaporkan status kemajuan projek** kepada Jabatan/Agensi pembimbing dalam tempoh lima (5) bulan dari tarikh surat tawaran diterima.
45. JKKPG berhak **membatalkan kelulusan geran** sekiranya usahawan gagal menyelesaikan tindakan dan tuntutan berkaitan dalam tempoh sembilan (9) bulan dari tarikh surat tawaran.
46. Usahawan **tidak boleh meninggalkan atau menjual perniagaan dalam tempoh lima (5) tahun dari tarikh pengesahan siap projek**. Sekiranya berlaku, usahawan dikehendaki membayar balik jumlah bantuan yang telah diberikan.

PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN PROGRAM

47. **Carta alir pelaksanaan Program** dijelaskan seperti di **Lampiran 14**.
48. Jabatan/Agensi **perlu melaporkan status pencapaian usahawan** secara berkala bagi tempoh tiga (3) tahun bermula selepas perolehan selesai atau projek siap. Usahawan perlu mengemukakan penyata akaun atau prestasi jualan bagi pemantauan dan pengukuran peningkatan nilai jualan tahunan. Pelaporan ini membantu Bahagian IMAT, KPKM menilai keberkesanan dan menambah baik kaedah pelaksanaan Program di masa hadapan.
49. Kementerian/Jabatan/Agensi perlu membuat hebahan tentang pelaksanaan program ini kepada kumpulan sasar melalui kaedah/platform yang bersesuaian supaya mereka yang layak boleh memohon.

KEKECUALIAN

50. Jabatan/Agensi hendaklah **mematuhi garis panduan pelaksanaan** Program. Sebarang pengubahsuaian berhubung ketetapan ini hendaklah dirujuk terlebih dahulu kepada Bahagian IMAT, KPKM.



BORANG DEKLARASI PERMOHONAN GERAN / BANTUAN KERAJAAN

(Sila senaraikan Geran/ Bantuan Kerajaan yang pernah dimohon/ diterima dalam tempoh tiga (3) tahun yang lepas.)

MAKLUMAT PEMOHON

Nama Pemohon : _____

No. Kad Pengenalan : _____

Nama Syarikat : _____

Alamat : _____

No. Telefon : _____

Alamat e-mel : _____

BUTIRAN GERAN/ BANTUAN KERAJAAN YANG PERNAH DIMOHON/ DITERIMA

BIL.	NAMA GERAN/ BANTUAN	KEMENTERIAN/ JABATAN	TUJUAN/ SKOP	JUMLAH YANG DITERIMA (RM)	TARIKH TERIMA

Nota: Sila sediakan lampiran tambahan sekiranya ruangan di atas tidak mencukupi

PENGISYTIHARAN PEMOHON

Saya, _____ (nama pemohon), mengaku bahawa maklumat yang diberikan adalah benar. Sekiranya saya mengemukakan sebarang butiran palsu, saya boleh dikenakan tindakan di bawah Klausa 463 Kanun Keseksaan Malaysia [Akta 574] atau mana-mana peraturan lain yang berkuat kuasa. Saya memahami bahawa sebarang maklumat palsu atau penyembunyian fakta boleh menyebabkan permohonan ini ditolak atau geran yang diterima perlu dikembalikan. Saya juga mengesahkan bahawa saya tidak pernah disabitkan kesalahan berkaitan penyelewengan kewangan dan permohonan ini tidak bertentangan dengan mana-mana peraturan atau undang-undang yang berkuat kuasa.

Dengan ini, saya bersetuju untuk:

- Mematuhi semua syarat dan peraturan yang ditetapkan oleh Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan.
- Menggunakan dana yang diberikan hanya untuk tujuan yang telah dinyatakan dalam permohonan ini.
- Menyediakan dokumen - dokumen yang diperlukan.

Tandatangan Pemohon : _____

No. Kad Pengenalan : _____

Tarikh : _____

Lampiran 2



SENARAI SEMAK PERMOHONAN GERAN PEMADANAN HIP

Sila tandakan (✓) pada dokumen-dokumen di bawah yang dilengkapkan dan dilampirkan bersama borang permohonan.

Bil.	Keterangan	Semakan Pemohon (✓)	Semakan Jabatan/Agensi (✓)
1.	Borang Deklarasi Permohonan Geran/Bantuan Kerajaan (Lampiran 1)		
2.	Borang Permohonan (GPHIP-1) (Lampiran 3)		
	(a) Maklumat Pemohon		
	(b) Salinan Sijil Kursus Yang Pernah Dihadiri		
	(c) Butiran Perusahaan		
	(d) Pengakuan Pemohon		
	(e) Salinan Pensijilan Sedia Ada (Jika Berkaitan)		
	(f) Senarai Item Permohonan (Lampiran A)		
3.	Profil Syarikat Pemohon		
4.	Pelan Perniagaan (Lampiran 4)		
5.	Maklumat Pembekal		
	(a) Nama dan Profil Pembekal Perkhidmatan		
	(b) Maklumat Penyata Bank Pembekal Terkini		
	(c) Tiga (3) Sebut Harga		
	(d) Salinan Sijil Pendaftaran Syarikat (SSM); atau Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)		
	(e) Salinan Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan (Jika Berkaitan)		
6.	Salinan Dokumen Syarikat		
	(a) Salinan Sijil Akuan Status PMKS (SME Corp)		
	(b) Salinan Sijil Pendaftaran Syarikat (SSM)		
	(c) Salinan Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan (Jika Berkaitan)		
	(d) Sijil Pendaftaran PPK / PNK (Jika Berkaitan)		
	(e) Penyata Kira-Kira Yang Diaudit		
	(f) Penyata Bank Syarikat Bagi Tiga (3) Bulan Terkini		
	(g) Laporan CTOS dan CCRIS		
	(h) Salinan Lesen Perniagaan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)		
	(i) Salinan Lesen Premis (Sekiranya Lokasi Premis Berada di Dalam Kawasan Pentadbiran PBT)		
	(j) Salinan Geran Tanah/ Perjanjian Sewaan atau Pajakan/ Salinan Kebenaran Menggunakan Tanah Daripada Ketua Kampung/ JKK/ Pejabat Tanah dan Ukur (Jika Berkaitan - Untuk Penambahbaikan Premis dan Mesin Peralatan Yang Kekal)		
7.	Borang Siasatan Penilaian dan Perakuan Sokongan oleh Jabatan/Agensi (GPHIP-2) (Lampiran 5)		

*Untuk Kegunaan Jabatan/Agensi Pelaksana:	
Nama Penyemak	
Tandatangan	
Tarikh Semakan	



BORANG PERMOHONAN GERAN PEMADANAN HIP

1. Butiran Individu

- (a) Nama Pemohon : _____
- (b) No. Kad Pengenalan : _____
- (c) Alamat Surat Menyurat : _____

- (d) No. Telefon Bimbit : _____
- (e) E-mel : _____
- (f) Jawatan : _____
- (g) Pengalaman Berkaitan : _____
Projek yang Dimohon _____

2. Butiran Syarikat

- (a) Nama Syarikat : _____
- (b) No. Pendaftaran : _____
Perniagaan _____
- (c) Alamat Syarikat : _____

- (d) Nilai Jualan Tahunan : _____

Tahun	Nilai Jualan (RM)

(e) Tarikh Permohonan : _____

(f) Pensijilan : _____

3. Kursus Yang Pernah Dihadiri (berkaitan aktiviti yang dimohon)

Bil.	Tajuk Kursus	Tarikh	Tempat	Anjuran

4. Butiran Perusahaan

(a) Alamat Perusahaan : _____

(b) No. Pendaftaran
 Perniagaan : _____

(c) Tarikh Mula Operasi : _____

(d) Bil. Pekerja Sedia Ada : _____

(e) Punca Modal Untuk
 Memulakan Perusahaan : _____

(f) Maklumat Pengeluaran : _____

(g) Jumlah Produk/ SKU

Bil.	Jenis Pengeluaran	Keluaran/ Bulan	Nilai/ Bulan (RM)

(h) Jumlah Pelaburan Untuk : _____
Perusahaan Sedia Ada

(i) Mesin/ Peralatan Sedia Ada Untuk Proses Pengeluaran

Bil.	Mesin/ Peralatan	Harga Mesin/ Peralatan

(j) Maklumat Pasaran/Permintaan Pengeluaran Sedia Ada:

(k) Skop Geran Pemadanan Yang Dimohon (Mohon lengkapkan **Lampiran A**)

Bil.	Skop	Tandakan (/)
i.	Kajian Pembangunan Kualiti Produk	
ii.	Reka Bentuk Pembungkusan & Pelabelan	
iii.	Peningkatan Kapasiti, Keselamatan dan Kualiti Pengeluaran	
iv.	Penambahbaikan Premis	
v.	Perundingan Pensijilan	

5. Pengakuan Pemohon:

Saya mengaku bahawa maklumat-maklumat yang dikemukakan ini adalah benar. Saya sesungguhnya faham bahawa jika saya mengemukakan sebarang butiran yang palsu saya boleh dikenakan tindakan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] atau mana-mana peraturan lain yang berkuat kuasa.

Saya akan mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan dan bersedia untuk menandatangani surat Akuan Setuju Terima terhadap tawaran Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan jika saya dipilih menyertai Program Geran Pemadanan Bagi Usahawan Industri Makanan dan Asas Tani.

Tandatangan :

Nama Pemohon :

Tarikh :

Nota kepada pemohon:

Permohonan dianggap tidak berjaya diproses sekiranya tiada maklum balas daripada Jabatan/Agensi dalam tempoh enam (6) bulan selepas permohonan dikemukakan.

6. Pengesahan/ Sokongan Jabatan/Agensi Pelaksana

Tandatangan :

Nama Penerima :

Cop Jawatan :

Tarikh Penerimaan :



SENARAI ITEM PERMOHONAN

Bil.	Keterangan Item	Bil. Unit	Anggaran Kos (RM)

Nota: Sebut harga perolehan perlu dilampirkan

PELAN PERNIAGAAN



**KERTAS CADANGAN PROJEK
PROGRAM GERAN PEMADANAN *HIGH IMPACT PRODUCT* (HIP)
BAGI USAHAWAN INDUSTRI MAKANAN DAN ASAS TANI**

NAMA SYARIKAT:

TAJUK PROJEK:

NOTA:

- a. Syarikat hanya perlu mengisi bahagian-bahagian yang terlibat dalam pelaksanaan projek sahaja.
- b. Sila lampirkan bersama dokumen-dokumen yang berkaitan bagi setiap bahagian yang telah diisi.

1. RINGKASAN PROJEK

1. Nyatakan objektif projek yang ingin dicapai oleh syarikat

2. Keterangan dan belakang projek menunjukkan peningkatan di dalam pembangunan produk yang berkaitan

3. Nyatakan faedah yang dijangka diperoleh dalam tempoh tiga (3) tahun setelah objektif projek tercapai

		Tahun Permohonan	Tahun 1	Tahun 2	Tahun 3
i.	Anggaran jualan tahunan (RM)				
ii.	Anggaran keuntungan tahunan (RM)				
iii.	Anggaran peningkatan pengeluaran (RM)				
iv.	Faedah-faedah lain yang diperoleh (sila nyatakan)				

2. CADANGAN PELAKSANAAN

Senaraikan aktiviti-aktiviti penting dan tempoh masa yang terlibat dalam melaksanakan projek dengan mengisi jadual di bawah.

- a. Tempoh Projek : _____bulan
- b. Tarikh Mula Projek : _____
- c. Tarikh Siap Projek : _____

[illegible]

3. KOS KAJIAN PEMBANGUNAN KUALITI PRODUK

Bil.	Keterangan Perkhidmatan	Kos (RM)
	Jumlah	

Pembekal perkhidmatan/ kontraktor

Nama Syarikat : _____

Alamat : _____

No. Telefon : _____

E-mel : _____

Nota: Sila sediakan lampiran tambahan sekiranya ruangan di atas tidak mencukupi.

4. KOS REKA BENTUK PEMBUNGKUSAN DAN PELABELAN

Bil.	Keterangan Perkhidmatan	Kos (RM)
	Jumlah	

Pembekal perkhidmatan/ kontraktor

Nama Syarikat : _____

Alamat : _____

No. Telefon : _____

E-mel : _____

Nota: Sila sediakan lampiran tambahan sekiranya ruangan di atas tidak mencukupi.

5. KOS PENINGKATAN KAPASITI, KESELAMATAN DAN KUALITI PENGELUARAN (PEROLEHAN MESIN/ PERALATAN)

Bil.	Nama Mesin/ Peralatan	Kos (RM)
	Jumlah	

Pembekal perkhidmatan/ kontraktor

Nama Syarikat : _____

Alamat : _____

No. Telefon : _____

E-mel  :

Nota: Sila sediakan lampiran tambahan sekiranya ruangan di atas tidak mencukupi.

6. KOS PENAMBAHBAIKAN PREMIS

Bil.	Keterangan Perkhidmatan	Kos (RM)
	Jumlah	

Pembekal perkhidmatan/ kontraktor

Nama Syarikat : _____

Alamat : _____

No. Telefon : _____

E-mel : _____

Nota: Sila sediakan lampiran tambahan sekiranya ruangan di atas tidak mencukupi.

7. KOS PERUNDINGAN PENSIJILAN

Bil.	Keterangan Perkhidmatan	Kos (RM)
	Jumlah	

Pembekal perkhidmatan/ kontraktor

Nama Syarikat : _____

Alamat : _____

No. Telefon : _____

E-mel : _____

Nota: Sila sediakan lampiran tambahan sekiranya ruangan di atas tidak mencukupi.

8. RINGKASAN KOS PROJEK

Bil.	Keterangan Kos	Kos Projek (RM)
1.	Kajian Pembangunan Kualiti Produk	
2.	Reka Bentuk Pembungkusan dan Pelabelan	
3.	Kos Peningkatan Kapasiti, Keselamatan dan Kualiti Pengeluaran (Perolehan Mesin / Peralatan)	
4.	Penambahbaikan Premis	
5.	Perundingan Pensijilan	
	Jumlah (RM)	

9. PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa mengikut pengetahuan saya semua keterangan dan maklumat yang diberi adalah benar.

Nama Pemohon : _____
Jawatan : _____
Tandatangan : _____
Tarikh : _____
Cop Syarikat :



**BORANG SIASATAN PENILAIAN DAN PERAKUAN SOKONGAN
PERMOHONAN PROGRAM GERAN PEMADANAN HIP
BAGI USAHAWAN INDUSTRI MAKANAN DAN ASAS TANI**

No. Rujukan Borang Permohonan : _____

Borang hendaklah diisi lengkap oleh Jabatan/Agensi Pelaksana.

1. Butiran Pemohon

- (a) Nama : _____
- (b) No. Kad Pengenalan : _____

2. Butiran Syarikat

- (a) Nama Syarikat : _____
- (b) No. Pendaftaran Syarikat : _____
- (c) Alamat Syarikat : _____

- (d) Tarikh Permohonan : _____

3. Maklumat Siasatan

- (a) Butiran Pemohon (Tandakan /)

Betul

☐

Salah

☐

- (b) Sama seperti di Borang GPCUP-1

Jika salah nyatakan yang betul

(d) Laporan Siasatan

i.	Jenis Produk	Kuantiti Pengeluaran/ bulan	Nilai Jualan (RM)/ bulan

ii. Kemudahan untuk mendapatkan input-input pengeluaran

Perkara

Ulasan Penilai

Ya Tidak

Bahan mentah

Tenaga kerja

Penyelenggaraan/ Peralatan

iii. Tahap penggunaan teknologi moden dalam
proses pengeluaran/ perkhidmatan

iv. Tahap kebersihan premis

v. Tahap kebersihan pekerja

(e) Senarai peralatan sedia ada

	Peralatan	Kuantiti
i.		
ii.		
iii.		
iv.		
v.		
vi.		
vii.		
viii.		

(f) Potensi dan peluang perkembangan Perusahaan di masa akan datang

Ulasan Penilai	
	Ya Tidak
i. Keupayaan modal pemohon bagi tingkatkan perusahaan	
ii. Peluang pemasaran bagi pengeluaran	
iii. Peluang pekerjaan yang diwujudkan	
iv. Mudah mendapatkan bahan mentah	
v. Peserta mampu dan berinisiatif untuk maju	
vi. Pengurusan projek akan lebih teratur dan terancang	
